

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
DI PERASMIAN KURSUS MAKLUMAN
ASAS MENYAMBUT KELAHIRAN
DI KOMPLEK TABUNG HAJI, SUBANG
PADA HARI SELASA, 2HB. APRIL, 1985
PUKUL 9.30 PAGI

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berusaha Pengerusi Majlis;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian;

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia yang telah sudi menjemput saya dan memberi peluang baik kepada saya untuk berucap kepada peserta-peserta Kursus ini. Saya juga difahamkan bahawa Persatuan ini akan meraikan ulang tahun yang pertama pada 14hb. April, 1985 ini. Saya mengucapkan tahniah atas aktiviti-aktiviti yang telah diadakan, dan khasnya kejayaan Persatuan ini menjalinkan semangat bersatu dan bersaudara di kalangan Badan-Badan Berkanun.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Pendidikan kesihatan kepada orang ramai lazimnya dijalankan oleh semua pegawai kesihatan dan kakitangan di Pusat-Pusat Kesihatan, Klinik Bidan dan Klinik Desa seluruh negara. Adalah nyata bahawa makluman mengenai kesihatan amatlah penting bagi orangramai, untuk mewujudkan kesedaran, perubahan sikap dan amalan yang baik mengenai kesihatan diri sendiri. Lebih penting lagi kaum wanita harus diberi makluman kesihatan diri kerana dalam tubuh

badan wanitalah berlakunya berbagai-bagai perubahan fisiologi daripada kecil hinggalah besar, daripada muda hinggalah tua.

3. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia kerana mengambil inisiatif mengatitkan Kursus Makluman Asas Menyambut Kelahiran ini kerana pendidikan kesihatan bukan hanya perlu dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan di klinik-klinik, tetapi juga oleh sesiapa sahaja, asalkan makluman itu betul, mudah dan tepat.

4. Di negara kita, jumlah kelahiran adalah tinggi. Kadar kematian ibu-ibu dan anak-anak telahpun turun semenjak merdeka, tetapi jika dikaji mengikut kaum dan tempat tinggal, jumlah kematian masih lagi tinggi terutamanya di kalangan ibu-ibu Melayu di luar bandar.

5. Saya telah bertugas selama 8 tahun dari tahun 1956 hingga 1964 di Hospital Besar Alor Setar di mana selama 5 tahun di Wad Bersalin dan Wad Gynae. Di hospital, ternyata benar pasakit-pesakit Melayu tidak faham langsung atas diri mereka, kenapa mereka sakit dan kenapa mereka perlu bertindak dengan segera. Kebanyakan ibu-ibu yang datang ke Wad Bersalin, datang dalam keadaan tenat, kerana terlalu lambat, Berbagai faktor menyebabkan keadaan buruk ini berlaku.

6. Sebagai Pegawai Kesihatan selama 10 tahun, yang lebih ketara ialah kenapa kadar kematian ibu-ibu Melayu dan kanak-kanak kecil lebih tinggi daripada kaum-kaum lain. Selain daripada sebab-sebab sosio-ekonomi sebahagian adat resam kita menambahkan pula masalah kesihatan ibu-ibu.

7. Pada tahun 50 dan 60-an, Kad-Kad Klinik Ibu Melayu penuh dengan tulisan merah yang bererti ada berlakunya masalah sewaktu kehamilan, kelahiran atau selepas kelahiran. Ambil mana-mana juga kad daftar mengandungi daripada kotak,

terdapatlah kehamilan sulong pada kebanyakan ibu-ibu Melayu berakhir dengan kelahiran anak yang tiada bernyawa -- stillbirth. Sering kali kehamilan yang berikutnya pun begitu juga. Ini amatlah merunsingkan. Setelah dikaji, terdapat beberapa faktor yang mengakibatkan kematian pada tahun-tahun tersebut yang antaranya ialah:-

- i. Ibu terlalu muda, umpamanya berumur antara 16 hingga 19 tahun.
- ii. Ibu tidak tahu langsung asas kehamilan umpamanya tiada panduan dan nasihat daripada sesiapa.
- iii. Mengamalkan kepercayaan dan adat resam yang tidak munasabah, umpamanya tidak mahu mengadakan pemeriksaan ke klinik dan mahukan Bidan-Bidan Kampung.
- iv. Tidak bertindak mencari pertolongan atau memberitahu dengan segera -- hanya berserah kepada takdir dan cepat tenggelam punca.

8. Saya telah diberitahu mengenai tajuk-tajuk ceramah dalam Kursus ini, dan saya merasa amat gembira bahawa semua aspek kehamilan akan dibahaskan. Saya berharap penceramah-penceramah yang terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing akan menekankan setiap tajuk secara detail supaya bakal-bakal ibu dan juga ibu-ibu yang hadir di Kursus ini tidak akan balik dengan merasa ragu-ragu atau tidak puas hati. Mereka seharusnya pulang dengan sikap positif mengenai kehamilan, penjagaan diri dan kesihatan janinnya semasa mengandung sehinggalah lahir seorang anak yang hidup, normal dan sihat.

9. Saya sangat tertarik dengan salah satu tajuk yang akan menyentuh nilai-nilai agama dalam kesihatan. Tegaskanlah kepada ibu-ibu Islam, betapa tingginya nilai kesihatan dalam

Islam, betapa teraturnya rukun-rukun kesihatan dalam Islam untuk mendapatkan kesihatan jasmani dan rohani yang bernilai tinggi. Sayang sekali dalam pengalaman saya ketika bertugas dengan orang-orang kampung, didapati umat Islam sendiri tidak menyerapkan ajaran-ajaran kesihatan dalam Islam, seolah-olah kesihatan tiada tempat langsung dalam Islam. Jika ibu bapa insaf atas nikmat yang Tuhan telah kurniakan kepada ibu apabila didapati hamil, mereka berdua sepatutnya bersungguh-sungguh menjaga kehamilan itu sehingga lahirnya bayi yang hidup dan sihat. Saya berharap para penceramah akan dapat menegaskan kepada ibu-ibu tentang pentingnya ikhtiar dan usaha dalam Islam.

10. Sebutan "ibu mati syahid" banyak kali disuarakan. Kita tidak mempersoalkan ajaran ini tetapi dalam kehamilan dan kelahiran, masa amatlah berharga sekali. Jika saudara mara tidak berikhtiar dengan bertindak segera ketika ibu dalam kecemasan, maka ibu itu tidak diberi peluang langsung untuk mengatasi keadaannya. Banyak rundingan yang perlu dibuat dahulu antara orang-orang tua kerana ini adalah adat pula. Seringkali berlaku di mana suami yang sayangkan isterinya diketepikan, malahan suara dan rayuan sisakit sendiri tidak dihiraukan. Keadaan begini harus diubah kerana agama Islam tidak menggalakkan kita berputus asa.

11. Seringkali juga berlaku kekeliruan yang mana adat dan yang mana ajaran Islam di kalangan orang-orang Melayu. Saya harap, penceramah-penceramah akan menghuraikan adat-adat resam Melayu yang benar-benar mendatangkan faedah kepada ibu yang hamil, kerana kita tahu banyak adat kita yang berfaedah dan yang tidak mendatangkan keburukan. Di samping itu, ada juga yang betul-betul mendatangkan keburukan seperti menolak perut, memotong pusat dengan sembilu, menahan makan selepas bersalin, bersalai dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya yakin keadaan yang saya sebutkan tadi tidak lagi berlaku sekarang kerana ibubapa, inalahan datuk nenek sekarang pun terdiri daripada orang-orang yang terpelajar. Mungkin juga tidak berlaku di dalam bandar, tetapi saya menyuarakan perkara-perkara ini kerana inilah yang sering berlaku antara masyarakat Melayu yang beragama Islam. Kita haruslah membantu mereka supaya masyarakat Melayu akan sentiasa sedar dan insaf atas penghargaan kehamilan dan menjaga kesihatan sehinggalah kelahiran dengan bayi yang sihat. Inilah yang sepatutnya mendatangkan kesan baik daripada kursus-kursus Makluman Asas Menyambut Kelahiran seperti yang dianjurkan oleh Persatuan Badan-Badan Berkanun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya tidak sepatutnya berucap begini panjang, tetapi inilah risiko besar setiap penganjur yang menjemput saya kerana apa jua usaha yang berkaitan dengan kesihatan ibu dan anak amatlah saya minati. Saya mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada pihak penganjur dan terima kasih kerana mengambil risiko untuk saya berucap pada pagi ini.

14. Dengan harapan kursus asas ini akan berjaya menghasilkan bakal-bakal ibu dan ibu yang sempurna dengan pengetahuan asas kehamilan, saya dengan sukacitanya membuka Kursus Makluman Asas Menyambut Kelahiran anjuran Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia, dengan rasminya.

V7abillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
